

1710572010 M15 18

Dinoda 7 lelaki

Habuan nafsu atas batas bendang

>>Oleh Mohamad Hussin

mohamad@hmetro.com.my

JITRA: Gara-gara ditinggalkan teman lelakinya, seorang wanita berusia 20 tahun menjadi mangsa seks tujuh lelaki termasuk bekas rakan sekolahnya di batas sawah Kampung Sungai Korok, di sini, awal pagi kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi, mangsa dari Anak Bukit, Alor Star, dikatakan keluar rumah pada jam 8 malam bersama teman lelakinya untuk bersiar-siar di sekitar kawasan itu.

Bagaimanapun, kira-kira jam 12 tengah malam wanita itu menghubungi seorang lagi teman lelakinya supaya mengambilnya di Sungai Korok untuk pulang ke rumahnya.

Difahamkan, teman lelaki wanita itu tidak datang menjemput mangsa menyebabkan dia menunggu seorang diri di kawasan klinik swasta di pekan Sungai Korok sehingga jam 4 pagi.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Deputy Superintendan Ibrahim Mohd Yusof, berkata seorang lelaki berusia 23 tahun yang menaiki motosikal melihat wanita itu duduk seorang diri berhampiran klinik itu.

"Suspek menghampiri mangsa dan bertanya hendak ke mana sebelum mangsa meminta suspek menghantarnya pulang ke Anak Bukit kerana teman lelakinya tidak datang menjemputnya.

"Bagaimanapun, suspek tidak menghantar mangsa pulang, sebaliknya memanggil rakannya

sebelum mangsa dirogol bergilir-gilir oleh tujuh lelaki di batas sawah berhampiran klinik itu.

"Mangsa tidak dapat melarikan diri kerana suspek menariknya ke sawah berhampiran dan merogolnya," katanya yang dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata, mangsa yang memakai seluar jeans dan kemeja-T mendakwa salah seorang suspek yang merogolnya adalah bekas rakan sekolahnya.

"Mangsa mengenali salah seorang suspek yang merogolnya kerana dia kawan sekolahnya. Selepas kejadian itu, mangsa ditinggalkan seorang diri berhampiran klinik berkenaan sehingga jam 7 pagi.

"Mangsa yang lemah kemudian keluar mencari bantuan dan menemui seorang pengawal keselamatan yang kebetulan melalui kawasan itu.

"Pengawal itu membawanya membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu kira-kira jam 9 pagi, semalam," katanya.

Ibrahim berkata, kes disiasat sebagai rogol mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman penjara tidak kurang lima tahun atau tidak lebih 20 tahun dan sebat.

Sementara itu, katanya, seorang suspek berusia 23 tahun ditahan di rumahnya di Sungai Korok, di sini, kira-kira jam 1 tengah hari semalam.

"Suspek akan dikenakan perintah reman di Mahkamah Sesyen Jitra," katanya.